PEKERJA-PEKERJA penyelamat mencari mangsa-mangsa nahas kapal terbang Boeing 747 Colombia berhampiran Madrid. — Gambar AP.

Perjanjian undur tentera Israel-Lebanon dibekukan

BEIRUT, Ahad — Perdana Menteri Lebanon, Shafik Wazzan, berkata perjanjian undur tentera Lebanon-Israel yang ditandatangani 17 Mei lalu dibekukan dan ketiadaan perlaksanaannya akan membawa kepada ia dibatalkan.

Beliau berkata demikian menjelang pemergian Presiden Amin Gemayel ke Washington pada 1 Disember ini melalui Itali, bahawa Lebanon menerima persetujuan itu hanya sebagai ikhtiar untuk mendapatkan pengunduran tentera Israel dari wilayah Lebanon.

"Bila kami dapati ia tidak menghasilkan apa yang kami kehendaki, kami enggan mengesahkannya dan kami menganggapnya sebagai dibekukan," begitulah Wazzan dilaporkan berkata.

Beliau juga berkata pejabat perantaraan Israel di Beirut "adalah satu helah penaklukan Israel ke atas bumi Lebanon dan tidak diakui dengan rasmi, ia akan hilang bila Israel pergi."

Sementara itu, Presiden Gemayel akan membawa berita buruk kepada Presiden Ronald Reagan — 'kejayaan' tunggal dasar luarnya di Timur Tengah tahun ini menjadi halangan dalam usaha menghentikan pertumpahan darah di Lebanon.

Berita buruk itu adalah mengenai perjanjian dengan Israel itu.

"Kami berada di persimpangan," kata seorang pegawai kanan Lebanon. "Kami merundingan perjanjian itu dengan ikhlas dan jujur, (tetapi) ia tidak dapat dilaksanakan dalam bentuknya sekarang."

Enam bulan selepas perjanjian itu ditandatangani, dan kokokan yang berderai-derai mengatakan ia langkah besar ke arah pencapaian, ia menjadi beban kepada Lebanon — masalah besar untuk menyatukan puak-puak yang bersengketa dalam negeri itu, malah satu penghalang untuk berunding dengan Syria mengenai pengunduran 30,000 askarnya dari Lebanon Utara dan Lembah Bekaa.

Bagaimanapun, Israel, dalam perjanjian sulit yang berasingan dengan Amerika mengenakan syarat tidak akan berundur selagi Syria tidak turut undur. Ini pun tidak berlaku kerana Presiden Syria, Hafez Asaad marah dan mengutuk perjanjian itu dengan mendakwa ia mengancam negaranya dan menjadikan Lebanon boneka Israel.

Kecaman Assad itu disokong oleh puak kiri dan pembangkang Lebanon. Mereka menuntut Israel undur tanpa syarat lebih dulu. Soal itu semakin kusut dan usaha untuk menghentikan sengketa antara puak Kristian dan Islam yang mahukan imbangan kuasa politik yang sama berat semakin sulit.

Kerajaan Lebanon yakin sengketa itu tidak akan dapat dihentikan selagi tentera Israel, Syria dan Palestin tidak keluar dari buminya.

Gemayel berharap duta khas baru Amerika ke Timur Tengah, Donald Rumsfeld, dapat memberikan pendapat yang lebih baik selepas mengadakan rundingan di rantau itu dan Reagan dapat dipujuk bahawa Syria adalah penting disertakan dalam rundingan menyelesaikan masalah Lebanon itu. — AP.

Cubaan bunuh Arafat

JEDDAH, Ahad — Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin, Yasser Arafat berkata, satu cubaan membunuh beliau dan pembantu kanannya di Tripoli, utara Lebanon, baru-baru ini dapat dihalang.

"Anggota-anggota pasukan pembunuh itu berjaya menyusup masuk ke Tripoli untuk membunuh saya dan pembantu saya...kami mematahkan cubaan itu selepas menangkap beberapa dari mereka, tetapi beberapa orang lagi masih bebas," kata Arafat dalam satu temubual yang disiarkan hari ini oleh akhbar *Al-Sharq Al-Awsat* yang dicetak di Jeddah dan London.

Beliau tidak menyebut kerakyatan pasukan itu atau bagaimana mereka masuk ke Tripoli. — Reuter.

'Pesawat ditembak ketika *senjata* nuklear diuji'

OMAHA (Nebraska), Ahad — Russia mungkin telah menjalankan perujian senjata nuklear ballistik antara benuanya di kawasan pantai Siberia ketika pesawat Syarikat Penerbangan Korea Selatan penerbangan 007 ditembak jatuh, kata Ketua Pemerintah Markas Strategi Udara.

Seramai 269 orang terkorban dalam tragedi penembakan pesawat Korea Selatan itu.

Sebuah pesawat pengintip RC-135 elektronik yang dikatakan oleh Presiden Reagan melakukan penerbangan beberapa ketika sebelum pesawat KAL itu ditembak jatuh, berada di kawasan itu untuk mengintip perujian nuklear Russia, kata Jen. Bennie L. Davies dalam satu laporan Omaha World Herald.

Tripoli tenang ketika usaha damai Arab diteruskan

TRIPOLI (Lebanon), Ahad — Bandar di utara Lebanon ini tenang hari ini selepas tegang malam tadi manakala puak-puak yang bersengketa dalam PLO bersiap untuk melancarkan gerakan mereka dalam tawar-menawar politik dan kepentingan tentera.

Tiga letupan menggegarkan bandar ini awal petang semalam, tetapi barisan depan kedua-dua puak penyokong dan penentang Arafat tenang, lapor Radio Beirut.

Persetujuan yang diatur oleh Syria dan Arab Saudi untuk menghentikan pertempuran tiga minggu di sekitar Tripoli itu menghadapi kesulitan dan menurut laporan radio, ramai penduduk bimbang pertempuran itu akan meletus semula mengalahkan diplomasi.

Pasukan pemberontak yang mengepung kedudukan Arafat dan para penyokongnya dari tiga penjuru, enggan menimbangkan sebarang pengunduran dari kawasan Tripoli, salah satu syarat dalam persetujuan damai itu.

Arafat, yang mempertahankan kubu terakhirnya di Lebanon, menerima pada dasarnya cadangan Arab Saudi-Syria.

Sumber-sumber politik di Beirut berkata, selagi Syria dan Arab Saudi tidak segera bertindak melaksanakan cadangan itu.

Syria, penyokong pemberontak itu mungkin berpuas hati melihat sekutunya dalam PLO meneruskan ancaman me-

Jepun-China nak selesaikan masalah Korea

TOKYO, Ahad — Perdana Menteri, Yasuhiro Na-... rang, tetapi ia menguatkan hasrat Nakasone

Dua lelaki bersenjata cuba serang balu Aquino

CORAZON AQUINO

MANILA, Ahad — Seorang lelaki bersenjatakan pisau yang disembunyikan dalam gumpalan kertas ditangkap hari ini ketika cuba menghampiri balu mendiang ketua pembangkang, Benigno Aquino, dalam satu tunjuk perasaan memperingati hari jadi ketua pembangkang itu.

Seorang lelaki lain yang membawa sepucuk pistol tidak dapat ditangkap setelah dia berjaya melarikan diri ke kumpulan penunjuk perasaan yang dianggarkan 40,000, kata para saksi.

Beratus-ribu rakyat di seluruh Filipina mengadakan tunjuk perasaan untuk mendesak Presiden Ferdinand Marcos meletakkan jawatan dan memperingati hari jadi ke-51 Aquino.

Marcos yang bimbang kekacauan yang menyebabkan 12 orang terbunuh lalu berulang, mengerahkan pasukan polis rusuhan berkawal.

Tuduhan

Di Luneta Park, kawasan tepi pantai dekat sini, ketua pembangkang, Mel Lopez bergelut dengan seorang nelayan berumur 23 tahun setelah beliau syak ada sesuatu yang disorokkan oleh lelaki itu dalam kumpulan kertas, ketika dia menghampiri Corazon Aquino.

Lopez berkata, beliau berjaya merampas sebilah pisau berukuran lapan setengah inci dari lelaki itu, Rafael Ortonio, tetapi beliau gagal menangkap rakan Ortonio yang mempunyai sepucuk pistol terselit di bawah tali pinggangnya.

Polis berkata, mereka akan mendakwa Ortonio dengan tuduhan memiliki senjata bahaya.

Penganjur tunjuk perasaan itu berkata, mereka tidak tahu bagaimana Ortonio dan rakannya dapat melepasi kepungan 40 orang pasukan keselamatan pembangkang yang mengawal Corazon dan tiga dari lima orang anaknya.

Ortonio memberitahu polis, dia telah menunggu di situ sejak jam 7.00 pagi, setelah dia diberitahu oleh rakan-rakannya yang mabuk malam itu bahawa esoknya akan diadakan keramaian di Luneta.

Katanya, dia membawa pisau itu untuk mengupas kelapa, tetapi polis tidak percaya alasan yang diberikannya itu.

Tunjuk perasaan itu bermula pada subuh dengan upacara lari anak memperingati Aquino dan perletakan jawatan Marcos di Roxas Boulevard. Mereka menjerit-jerit slogan "Selamat Hari Jadi Aquino" dan "Marcos, letak jawatan".

Mereka kemudian berkumpul di Luneta Park untuk upacara sembahyang di Gereja Roman Katolik. — UPI

Mula keluarkan hasil

ACEH, Ahad — Projek baja Asean di Lhok Seumawe dalam wilayah ini mula mengeluarkan hasil dan eksport pertamanya akan dihantar ke Malaysia bulan depan.

Projek itu adalah projek perindustrian Asean yang pertama disiapkan. Ia akan dirasmikan oleh Presiden Suharto Januari ini dalam satu upacara yang akan dihadiri oleh para menteri kabinet negara-negara Asean.

Rahman Subandhi, Ketua Pengarah kilang itu berkata, projek itu disiapkan empat bulan lebih awal dari yang dijadualkan. — Oana-Antara.

Malaysia, Pasifik setuju luaskan kerjasama

GOA (India), Ahad — Malaysia dan beberapa negara Pasifik telah bersetuju memperluaskan kerjasama dalam rangka kerja mesyuarat serantau para ketua kerajaan Komanwel (CHOGM).

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie telah mengambil peluang ketika di sini untuk membincangkan perkara itu dengan beberapa orang pemimpin Pasifik yang menghadiri mesyuarat para ketua kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berakhir di New Delhi Selasa ini.

Perdana Menteri, Ratu Sir Kamisese Mara dari Fiji yang menganjurkan CHOGM bagi Asia-Pasifik tahun lalu dan Michael Somare dari Papua New Guinea adalah di antara mereka yang bersetuju dengan beliau bahawa negara-negara Komanwel di rantau berkenaan telah memperolehi banyak faedah menerusi kerjasama dan boleh mencapai lebih banyak lagi dengan mempertingkatkan usaha bersama.

Menggesa

Tan Sri Ghazali berkata di sini hari ini sebelum bertolak ke New Delhi bahawa beliau dan para pemimpin Pasifik itu bersetuju pada amnya negara-negara itu mempunyai pendekatan yang sama kepada masalah dan isu politik dan ekonomi dan boleh bergerak sebagai satu kumpulan yang berkesan.

Sementara itu, para pemimpin Komanwel yang menamatkan pertemuan hujung minggu mereka di sini untuk kembali semula ke New Delhi dipercayai bersetuju bahawa pendirian yang diambil mengenai isu Kampuchea di sidang kemuncak di Australia dikekalkan dalam sidang kemuncak ini.

Bagaimanapun, laporan yang diterima dari New Delhi menjelaskan bahawa Malaysia dan Singapura, dua buah negara Asean yang menganggotai Komanwel, terpaksa berusaha keras untuk memasukkan isu Kampuchea dalam pernyataan mereka.

(Sidang kemuncak di Australia menggesa semua tentera asing berundur dari Kampuchea.)

Adalah difahamkan bahawa belum ada persetujuan akhir tercapai mengenai pernyataan yang akan dibuat di akhir sidang kemuncak Selasa ini dan Grenada menjadi isu yang lebih rumit dari yang dijangkakan.

Satu tolak ansur sedang diusahakan antara enam buah negara Caribbean yang menganggap campur tangan Amerika Syarikat sebagai perlu dan dialu-alukan oleh rakyat Grenada sendiri, dan negara-negara Afrika yang mahu Amerika dikenali sebagai pasukan penceroboh dan dikutuk. — Bernama

Singapura tidak mampu tampung tambahan kereta

SINGAPURA, Ahad — Jalan raya Singapura tidak lagi mampu menampung tambahan kereta kerana jumlah kereta yang ada sekarang telah pun melebihi kadar maksimum yang ditetapkan.

Kesannya, pertama, kesesakan yang buruk kini berlaku di beberapa simpang, terutama selepas waktu pejabat.

Kedua, lebih banyak kawasan tanah terpaksa diperuntukkan bagi membina jalan raya dan tempat meletak kereta, sedangkan tanah amat berharga bagi sebuah negara sekecil 620 km persegi seperti Singapura.

Apa yang lebih buruk ialah, Singapura tidak mempunyai projek-projek besar untuk melicinkan perjalanan seperti dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an kerana semua projek itu hampir selesai dilaksanakan.

Mungkin ada yang menganggap Singapura mempunyai Sistem Pengangkutan Gerak Cepat (MRT) untuk menyelamatkan keadaan, tetapi hal yang sebenarnya tidaklah demikian. Ini terbukti dari pengalaman negara-negara yang telah mempunyai MRT.

Fakta-fakta ini disebut oleh Pemangku Menteri Perhubungan merangkap Menteri Negara (Pertahanan), Dr Yeo Ning Hong, dalam majlis taklimat baru-baru ini untuk menjelaskan sebab-sebab pemerintah perlu mengekang pertambahan kereta.

Tiga langkah yang diambil baru-baru ini ialah menaikkan cukai kereta dan pendaftaran, menaikkan bayaran letak kereta dan harga minyak.

Menteri itu membayangkan jika keadaan terus tidak terkawal, langkah yang lebih pahit mungkin terpaksa difikirkan.

Dasar pemerintah mengekang pertumbuhan kereta bukanlah semata-mata kerana kesesakan yang dijangka berlaku pada tahun-tahun 1990-an. — BHS.

Siddhi ke A.S. untuk meterai perjanjian

BANGKOK, Ahad — Menteri Luar Thailand, Siddhi Savetsila, akan melawat Amerika Syarikat awal bulan depan untuk menandatangani perjanjian yang ditunda kerana Presiden Reagan membatalkan lawatannya ke Thailand, menurut laporan berita hari ini.

Akhbar Nation Review memetik sumber-sumber yang mengetahui sebagai berkata, Siddhi akan mengadakan lawatan itu antara 6 hingga 14 Disember bagi menandatangani perjanjian itu dengan rakan sejawatnya, George Shultz, dan membincangkan kedudukan Kampuchea dengan para pemimpin Amerika.

Perjanjian baru itu akan menggantikan perjanjian yang dibuat pada 1922 antara kedua-dua negara bagi membolehkan Amerika menyingkir orang-orang Thai yang terbabit dalam pengedaran dadah dan rampasan kapal terbang, kata akhbar itu lagi.

Perjanjian itu sepatutnya ditandatangani ketika lawatan Presiden Reagan ke Thailand tetapi dibatalkan atas sebab-sebab politik. — UPI.

Pelajaran jadi keutamaan negara2 Asean

SINGAPURA, Ahad — Negara-negara anggota Asean secara purata membelanjakan satu dolar daripada setiap lapan dolar perbelanjaan kerajaan untuk pelajaran, satu kadar yang lebih tinggi daripada kebanyakan rantau.

Singapura, misalnya, memperuntukkan S$1,300 juta atau 15 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan untuk pelajaran, tahun lalu.

Menteri Kewangan Singapura, Dr Tony Tan, ketika menyatakan hal ini hari ini, berkata kadar perbelanjaan yang begitu tinggi membayangkan tekanan yang diberikan oleh negara-negara Asean kepada pelajaran dan pembangunan anak-anak muda.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan konvensyen kelima majlis guru-guru Asean di sini. Dr Tan, bagaimanapun mengingatkan bahawa jumlah besar yang dibelanja untuk menyediakan sekolah-sekolah yang serba lengkap akan menjadi sia-sia sekiranya mutu para guru tidak turut meningkat.

Seperti kebanyakan kaum pekerja bagi tahun-tahun 1980-an, para guru dikehendaki menjalani latihan dalam perkhidmatan.

Latihan seperti itu adalah penting kerana para guru tidak hanya diamanahkan untuk mencurahkan ilmu, tetapi juga membentuk sikap dan membina hasrat murid-murid supaya mereka dapat memiliki kemahiran teknikal dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

Dr Tan, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata sambil ekonomi Asean membangun, bentuk pelajaran yang sesuai bagi kanak-kanak rantau ini akan terus berubah.

"Begitu juga ketika Asean bergerak ke arah teknologi tinggi dan kegiatan ekonomi yang lebih sofistikated, kita akan memerlukan lebih ramai pekerja mahir, juruteknik, jurutera dan saintis di samping petugas-petugas peringkat pertengahan dan pengurusan. — Bernama.

BERITA RINGKAS

Poland, Indonesia bentuk jawatankuasa ekonomi

JAKARTA — Indonesia dan Poland membentuk sebuah jawatankuasa bersama dalam bidang kerjasama ekonomi bagi meningkat dan mengimbangi dagangan mereka, menurut Menteri Luar Poland, Stefan Olszowski.

Katanya, jawatankuasa itu dibentuk dalam lawatan rasminya selama tiga hari ke sini. Mesyuarat pertama jawatankuasa itu akan diadakan di Warsaw awal tahun depan. Kini, rundingan sedang berjalan bagi mengadakan perjanjian jangka panjang untuk mendapatkan minyak mentah Indonesia bagi Poland. — Reuter.

Kebakaran: 11 diselamat

MANILA — Sebelas anak kapal diselamatkan dan sekurang-kurangnya 33 lagi masih hilang selepas berlaku kebakaran di sebuah kapal tangki minyak Filipina di perairan pulau Luzon, semalam. Kesebelas anak kapal yang diselamatkan itu sedang dirawat di hospital bandar Agoo. — AP.

Dua dihukum bunuh

BEIRUT — Sebuah mahkamah tentera Lebanon

Kuwait sanggup bantu Malaysia, Indonesia